



**IKLAN PENGAMBILAN**  
**PERSONEL DI BAWAH MALAYSIA SHORT TERM EMPLOYMENT**  
**PROGRAMME (MYSTEP) 2023**  
**JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi **satu (1) jawatan kontrak** di bawah *Short Term Employment Programme* (MySTEP) bagi tahun 2023 seperti berikut:

Jawatan	:	Pembantu Tadbir (Personel MySTEP)
Gaji	:	RM1,700/ bulan
Tempoh Lantikan	:	Sehingga 31 Disember 2023
Kemudahan	:	Cuti Rehat, Cuti Sakit, Caruman KWSP dan Caruman PERKESO
Penempatan	:	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Ibu Pejabat, Putrajaya

**SYARAT KELAYAKAN**

Memiliki kelayakan **sekurang-kurangnya peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat sekurangnya-kurang kepujian dalam matapelajaran Bahasa Melayu dan Matematik.

**KRITERIA TAMBAHAN**

Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki pengetahuan dan kemahiran serta ciri-ciri seperti berikut:

- a) Celik Digital dan berkemahiran menggunakan peralatan/aplikasi ICT;
- b) Berkemahiran dalam aplikasi Microsoft Office terutamanya Microsoft Excel; dan
- c) Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik.

## **DESKRIPSI TUGAS**

- a) Membantu pengurusan sewaan premis dan pelbagai kontrak perkhidmatan;
- b) Membantu pengurusan rekod termasuk pelupusan dan rekod fail;
- c) Membantu pengurusan kad kenal diri, pas keselamatan dan kad perakam waktu; dan
- d) Lain-lain tugas yang akan diarahkan dari semasa ke semasa.

## **CARA MEMOHON**

1. Calon yang berminat hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut (tidak akan dikembalikan):
  - a) Resume (turut dinyatakan maklumat untuk dihubungi) beserta gambar terkini berwarna bersaiz pasport;
  - b) Salinan sijil SPM serta sijil lain yang berkaitan;
  - c) Salinan Sijil Digital Vaksinasi COVID-19
2. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui emel ke **unit\_upo@perpaduan.gov.my** dengan catatan **Permohonan Personel MySTEP – Jawatan Pembantu Tadbir**.

**Hanya calon yang layak akan dipanggil untuk sesi temuduga.  
Calon yang tidak dipanggil dalam tempoh 6 bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 30 SEPTEMBER 2023 (SABTU)**